

Pak Lah anggap kempen Pas memalukan, keji

BH 17 JUL 2002

PENDANG, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kempen pembangkang mengedarkan pelbagai poster termasuk cacian beliau sebagai 'Penjual babi tak layak jadi PM (Perdana Menteri)' sebagai keji, memalukan dan berfikiran cetek.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tugasnya ketika itu adalah untuk memerangi wabak Japanese Encephalitis (JE) dan jawatankuasa itu turut dianggotai beberapa menteri, termasuk menteri Melayu lain.

"Malas dah...(nak jawab) orang macam ini. Itulah satu perbuatan yang amat keji. Perbuatan depa (dia orang) lebih keji daripada apa yang saya terpaksa lakukan atas nama tugas serta tanggungjawab mem-pengerusikan jawatankuasa itu bagi memerangi penyakit yang dibawa babi.

"Mungkin depa tak faham...macam mana nak memerintah. Penyakit JE ini cukup bahaya...kalau kena penyakit ini mati. Penyakit ini tak pilih orang Umno, Pas atau sesiapa saja.

"Sepatutnya cakaplah terima kasih buat kerja macam ini (mengawal merebaknya JE). Beratus ekor babi dibunuh dan bangkai ditanam supaya kuman tidak merebak," katanya di sini hari ini.

Salah satu risalah itu berbunyi 'Penjual babi tak layak jadi PM (Perdana Menteri)' dan tajuk kecilnya pula berbunyi 'Mahathir silap pilih penggantinya'.

Ia dipercayai merujuk kepada tugas Abdullah selaku pengerusi jawatankuasa memerangi penyakit virus JE yang dibawa babi di Kampung Nipah, Lukut, Negeri Sembilan pada 1999.

Satu lagi risalah mema-

parkan tajuk 'Mahathir Paderi Besar Gereja' dengan tajuk kecil 'Rahsia besar di sebalik menghadap Pope di Rom dan cuti di Itali'.

Turut diedarkan ialah risalah 'Mahathir nyanyuk Pak Lah merapu' dengan tajuk kecilnya berbunyi 'Sorang nak jadi Tuhan, yang satu lagi bercita-cita diangkat jadi Nabi' serta 'Puteri Umno ejen Yahudi'.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ber-

kata risalah itu satu fitnah terbaru terhadapnya.

Abdullah turut diminta mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Pilihan raya kecil Pendang Puteri Umno, Dermawati Othman bahawa ada suami memberi amaran kepada isterinya bahawa talak akan jatuh jika mengundi calon Barisan Nasional (BN).

Beliau yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, ia adalah perbuatan yang kejam dan urusan ru-

mah tangga tidak sepatutnya diheret dalam politik.

"Janganlah perkara ini membawa kepada cerai-berai. Ini sikap tak baik. Kita berpolitik biarlah perjuangan yang sihat. Biarlah pertandingan dalam pilihan raya dijalankan dalam suasana sihat.

"Bila politik itu dibawa dengan pendekatan yang menimbulkan masalah dalam masyarakat, ia boleh menimbulkan perpecahan sesama bangsa dan agama. Itu pada saya tak betul,"

katanya.

Mengenai keyakinan Pas menang kononnya antara lain disebabkan masalah dalaman Umno, Abdullah berkata perkara sudah menjadi mainan parti pembangkang untuk menjejaskan peluang calon BN.

Katanya, calon BN di Pendang, Datuk Othman Abdul dan timbalannya di Umno Bahagian Pendang, Md Rozai Shafian bekerjasama rapat bagi memastikan kemenangan.